

<input checked="" type="checkbox"/>	Sinar Harian
<input type="checkbox"/>	Sinar Ahad
Tarikh:	17/11/2011
Hari:	Khamis MS: U28
Ruangan:	SUKAM

Kursus rekreasi uji 75 peserta

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

PANTAI MERDEKA – Seramai 75 peserta Kembara Semester 2 Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Kursus Rekreasi Tahap 1 Kokurikulum Kembara di Teluk Nipah, Pantai Merdeka, Kedah, baru-baru ini.

Biro Publisiti Kembara 2 UUM, Nurin Syafiqah Mohd Halid berkata, aktiviti yang dijalankan selama tiga hari dua malam itu anjuran Pusat Kokurikulum UUM dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri untuk menguji tahap ketahanan dan kecergasan fizikal mahasiswa.

Menurutnya, ia juga satu kegiatan yang dijadikan alter-



Peserta mendengar taklimat sebelum menjalankan aktiviti.

natif bagi mengisi masa lapang dan memberi persekitaran baru yang lebih segar.

"Secara keseluruhannya, aktiviti, sebegini mampu memberi ketenangan, wujud

keharmonian dan pengalamannya tidak mampu dimiliki dalam bilik kuliah.

"Selain itu, aktiviti ini juga mampu menambah keyakinan peserta, memupuk disiplin,

memupuk semangat kerjasama, berdikari dan mampu mempraktikkan segala yang diajar dalam kehidupan seharian," katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum UUM merangkap pengiring program, Hairi Alwi manakala perasmian penutup disempurnakan Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Osman Abdul.

Osman berkata, Jabatan Belia dan Sukan Negeri akan sentiasa memberi sokongan kepada mahasiswa yang berminat dengan aktiviti rekreasi dan sukan lasak dalam usaha membangunkan sukan dalam diri setiap individu.



Seramai 75 peserta mengambil bahagian dalam Kursus Rekreasi Tahap 1 Kokurikulum Kembara UUM.